

Jenis Akhbar : Utusan
Tarikh : 16/11/2017
Edisi / Muka Surat : Dalam Negeri / 9



ABDUL FATTAH ABDULLAH (dua dari kiri) dan Monique F. Leroux (tiga dari kiri) bersama beberapa pemimpin koperasi melancarkan Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia 2017 di Pusat Konvensyen Sunway, Bandar Sunway, semalam. - UTUSAN/MOHD. NAJIB MOHD. NOR

Catat transaksi RM200j

Oleh MOHAMAD HAFIZ
YUSOFF BAKRI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 15 NOV.

KARNIVAL Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (Maccops) 2017 yang bermula hari ini sehingga 19 November dijangka mampu mencatatkan nilai transaksi dagangan berjumlah lebih RM200 juta sepanjang penganjurannya.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, beliau yakin jumlah tersebut dapat dicapai

menerusi dagangan domestik dan antarabangsa termasuk dari beberapa negara seperti Fiji dan Iran.

Katanya, selain itu, perdagangan import dan eksport dalam kalangan syarikat tempatan juga dijangka meningkat.

“Kita ada 20 penyertaan daripada luar negara. Jadi, ini peluang terbaik untuk mengetengahkan produk-produk yang ada di peringkat antarabangsa.

“Di samping itu, Maccops merupakan medium untuk mewujudkan rangkaian perniagaan dalam pelbagai bidang,” katanya semasa menghadiri Majlis Perasmian Maccops di sini hari ini.

Yang turut hadir Presiden Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA), Monique F. Leroux

Penganjuran kali ketiga Maccops oleh Angkasa kali ini diadakan di Pusat Konvensyen Sunway, Sunway Pyramid dengan melibatkan 160 penyertaan.

Dalam pada itu, Monique berkata, beliau menganggap penganjuran Maccops sebagai terbaik dan mampu mencapai objektif.

“Saya sangat teruja dengan Maccops dan berpeluang mengunjungi ruang pameran yang menawarkan produk peserta. Ia benar-benar menarik dan perlu diteruskan lebih-lebih lagi ia agak berbeza di negara lain,” ujarnya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia